

B532

MAHATHIR-NASIHAT

1982

KUANTAN, 9 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN RAKYAT TENTANG GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PILIHANRAYA UMUM INI UNTUK MENIMBULKAN PERASAAN BENCI RAKYAT TERHADAP KERAJAAN DAN PERASAAN BENCI TERHADAP KAUM.

PERDANA MENTERI BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH-DAKYAH SEUMPAMA ITU KERANA TUJUAN GOLONGAN TERSEBUT BERBUAT DEMIKIAN HANYALAH UNTUK MENGEKSPLORITASIKAN KEADAAN SUPAYA RAKYAT TIDAK MEMILIH KERAJAAN DALAM PILIHANRAYA INI.

BERUCAP MERASMIKAN LENCUNGAN JALAN KUANTAN SEPANJANG 32 KM DAN MENELAN BELANJA \$33.2 JUTA DI KILOMETER 13 JALAN GAMBANG DEKAT SINI, BELIAU BERKATA GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT BERHARAP DENGAN BERTINDAK SEDEMIKIAN RAKYAT AKAN TERKELIRU MALAH CURIGA TERHADAP KERAJAAN SUPAYA MEREKA PULA DAPAT DIPILIH MENJADI WAKIL RAKYAT.

BELIAU BAGAIMANAPUN, MEMBERI AMARAN KERAS BAHAWA TINDAKAN SEUMPAMA ITU KHUSUSNYA PERBUATAN MENIMBULKAN PERASAAN MEMBENCI KAUM BOLEH MENGGUGAT KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG SEDIA WUJUD DI NEGARA INI.

BELIAU MENEGASKAN NEGARA DAN RAKYAT TIDAK BOLEH DAN TIDAK MAMPU LAGI MENGHADAPI HURU-HARA AKIBAT KETIDAKSTABILAN NEGARA DAN OLEH ITU MEREKA PERLU SENTIASA BERHATI-HATI BILA MENGHADAPI GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1114/HM

B533

MAHATHIR - NASIHAT 2 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA NEGARA DAN RAKYAT TELAH TIDAK MENGALAMI SEBARANG TRAGEDI BURUK SELEPAS PERISTIWA 13 MEI, 1969 DULU.

"MALAH RAKYAT BERBAGAI KAUM DI NEGARA INI SUDAH BERKURUN-KURUN HIDUP DALAM AMAN DAN DAMAI DAN OLEH ITU MEREKA PERLU BERUSAHA MENGEKALKANNYA," TEGASNYA.

BELIAU BERKATA ANTARA CARA YANG DIGUNAKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU MENIMBULKAN PERASAAN BENCI TERHADAP KAUM IALAH DENGAN MEMBAWA BERBAGAI-BAGAI CERITA TERMASUK DAKWAAN KONONNYA MEREKA MEMPERJUANGKAN NASIB SESUATU KAUM.

GOLONGAN-GOLONGAN INI, KATANYA, BERJANJI SEKIRANYA MENANG MEREKA AKAN MEMBERI LAYANAN YANG LEBIH BAIK KEPADA KAUM TERSEBUT.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN JANJI-JANJI SERUPA ITU SEMATA-MATA SEBAGAI SATU UGUTAN KOSONG YANG TIDAK MENDATANGKAN SEBARANG MENAFAAT KEPADA NEGARA DAN RAKYAT. -- BERSAMBUNG 1117/HM

B534

MAHATHIR - NASIHAT 3 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT TUJUAN PILIHANRAYA UMUM DIADAKAN DALAM SISTEM DEMOKRASI IALAH MENENTUKAN BAHAWA KERAJAAN YANG MEMERINTAH SENTIASA BER-PANDU KEPADA KEHENDAK-KEHENDAK DAN ASPIRASI RAKYAT.

'' JIKA KERAJAAN TIDAK MENGIKUTI ATAU TIDAK MEMENUHI HASRAT RAKYAT, PILIHANRAYA UMUM MEMBERI KESEMPATAN KEPADA MEREKA UNTUK TIDAK MEMILIHNYA LAGI, '' KATANYA.

NAMUM DEMIKIAN BELIAU PERCAYA RAKYAT MENYEDARI BAHAWA KERAJAAN YANG ADA SEKARANG SUDAH BANYAK MEMENUHI HASRAT MEREKA MALAH MASIH TERUS GIGIH MENERUSKANNYA.

'' INI MENUNJUKKAN BAHAWA PILIHAN RAKYAT SELAMA INI MERUPAKAN SATU PILIHAN YANG TEPAT, '' TEGASNYA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT, SEMASA MENGHADAPI PILIHANRAYA, TIDAK AKAN MEMPERTARUNGKAN NASIB MASA DEPAN ANAK-ANAK MEREKA DENGAN MEMIHAK KEPADA PIHAK-PIHAK YANG BELUM TERBUKTI KEMAMPUANNYA MENUNAIKAN JANJINYA.

'' JANJI-JANJI YANG DIBUAT OLEH PIHAK-PIHAK INI HANYALAH JANJI KOSONG SEMATA-MATA, + TAMBAHNYA. --BERSAMBUNG 1121/HM

MAHATHIR - NASIHAT 4 KUANTAN

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT PERLU SENTIASA MENINGAT HAKIKAT INI, LEBIH-LEBIH HAKIKAT BAHAWA KERAJAAN SEDANG MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA MEREKA.

KATANYA BAGI NEGERI PAHANG DAN NEGERI-NEGERI DI PANTAI TIMUR, KERAJAAN BUKAN SAJA TELAH MELAKSANAKAN BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAH SUDAH PUN MENGATUR BEBERAPA RANCANGAN BESAR UNTUK TEMPOH 10 TAHUN LAGI.

INI TERMASUK MEMPERBAIKI LAGI KEMUDAHAN PERHUBUNGAN ANTARA PANTAI BARAT DENGAN PANTAI TIMUR SUPAYA IA TIDAK LAGI TERPISAH AKIBAT GUNUNG-GANANG ATAUPUN RAKYAT PANTAI TIMUR MERASA TERPENCIL DARI ARUS KEGIATAN KEBANGSAAN.

USAHA-USAHA KE ARAH INI TELAH PUN BANYAK DILAKSANAKAN, UMPAMANYA DENGAN PEMBINAAN LEBUHRAYA KARAK-KUALA LUMPUR, LEBUHRAYA KE SEGAMAT, PEMBINAAN PELABUHAN DAN PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG.

BELIAU BERKATA KERAJAAN KINI MEMPERUNTUKKAN \$200 JUTA UNTUK KERJA-KERJA MEMPERBAIKI PELABUHAN KUANTAN DAN JUGA MENGADAKAN KEMUDAHAN BARU DI PELABUHAN ITU.

RANCANGAN-RANCANGAN BARU YANG DIJANGKA MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN KEPADA RAKYAT BUMIPUTERA DAN RAKAN-RAKAN MEREKA DARI KETURUNAN LAIN IALAH PROJEK MEMBINA HUBUNGAN REL ELEKTRIK ANTARA KUANTAN DENGAN KUALA LUMPUR. --

--BERSAMBUNG 1126/HM

MAHATHIR - NASIHAT 5 KUANTAN

SELAIN ITU, TERDAPAT JUGA PROJEK MEMBINA LEBUHRAYA UNTUK MENGHUBUNGKAN PENGKALAN BEKALAN MINYAK DI CHUKAI, TRENGGANU DENGAN PELABUHAN KUANTAN DAN SETERUSNYA KE KUALA LUMPUR.

KESEMUA PROJEK INI DIJANGKA BUKAN SAJA AKAN MERAPATKAN LAGI PANTAI TIMUR DENGAN PANTAI BARAT TETAPI AKAN MENJADI PENGGERAK BAGI PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT DI NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR.

KHUSUSNYA, PEMBINAAN PROJEK-PROJEK ITU AKAN DAPAT MELAHIRKAN PUSAT-PUSAT PERTUMBUHAN BARU YANG DAPAT MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK PELUANG EKONOMI KEPADA RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG DIBERI SAMBUTAN AMAT MERIAH SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG KUANTAN DI SINI, MENSIFATKAN MAJLIS PERASMIAN LENCUNGAN JALAN KUANTAN ITU SEBAGAI SATU SIMBOL MENGENAI PEMBANGUNAN PESAT BAGI NEGERI PAHANG DAN SETERUSNYA BAGI LAIN-LAIN NEGERI DI PANTAI TIMUR.

MENTERI BESAR DATUK HAJI ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU BERKATA DI SAMPING BERBAGAI-BAGAI PROJEK PEMBANGUNAN, KERAJAAN TELAH MEMBINA LEBIH 3,200 KILOMETER JALAN DI SELURUH NEGERI PAHANG BUKAN SAJA SEBAGAI KEMUDAHAN PERHUBUNGAN BAGI RAKYAT TETAPI SEBAGAI LANGKAH MEMUDAHKAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU YAKIN RAKYAT YANG SUDAH BANYAK MENIKMATI FAEDAH DARI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN AKAN MENERUSKAN SOKONGAN KUAT MEREKA KEPADA KERAJAAN. TURUT SAMA DI MAJLIS ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH.-BERSAMBUNG 1144/HM

MAHATHIR - NASIHAT 6 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN DAN PEKERJA PILIHANRAYA BARISAN NASIONAL DI KEDIAMAN MENTERI BESAR.

SUMBER-SUMBER BARISAN NASIONAL MEMBERITAHU DALAM PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional telah menyampaikan penghargaan tinggi terhadap semangat dan sokongan para pekerja tersebut.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA BEKERJA KERAS BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN CEMERLANG BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA.

SELEPAS PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERTAI UMAT ISLAM MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID SULTAN AHMAD (1) DI SINI.

PETANG INI BELIAU DAN ROMBONGANNYA AKAN BERLEPAS KE JERANTUT UNTUK MERASMIKAN BANDAR BARU JERANTUT DAN KEMUDIAN MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN TEH DENGAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT BANDAR ITU DI DEWAN ORANGRAMAI JERANTUT. -- BERNAMA 1147/HM